

28 JUN 1996

Sanusi - Pembangunan

SANUSI DIARAH TUMPU PEMBANGUNAN UNTUNGGAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan Menteri Besar Kedah yang baru Datuk Seri Sanusi Junid melaksanakan program-program pembangunan yang menguntungkan rakyat, negeri dan negara.

Antara program yang Perdana Menteri mahukan Sanusi beri keutamaan ialah "satu kampung satu produk" dan menggalakkan lagi kegiatan kemasyarakatan yang bertumpu di masjid.

Perkara ini dinyatakan oleh Sanusi kepada pemberita selepas menemui Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Kunjungan hormat selama setengah jam itu merupakan yang pertama bagi Sanusi sejak dilantik sebagai Menteri Besar Kedah pada 16 Jun lepas menggantikan Tan Sri Osman Aroff kerana perlantikannya dibuat semasa Dr Mahathir bercuti selama 17 hari di luar negara. Perdana Menteri pulang semalam.

Sanusi berkata Perdana Menteri mahu beliau pergi ke Fukuoka, Jepun bagi melihat sendiri pelaksanaan program "satu kampung satu produk" supaya ia dapat membantu usaha menjayakannya di Kedah.

"Beliau minta saya pergi ke Jepun untuk tengok apa yang dibuat di tempat itu kerana saya dah dengar banyak mengenai program itu tetapi saya tak pernah tengok sendiri," katanya.

Katanya kejayaan pelaksanaan program itu juga banyak bergantung kepada pendekatan yang betul dan pengwujudan rangkaian pemasaran yang berkesan.

Bagi melaksanakan arahan Perdana Menteri supaya kegiatan kemasyarakatan yang bertumpu di masjid dipertingkatkan, Sanusi berkata beliau bercadang "memaksa" setiap anak umat Islam yang masih bersekolah supaya meluangkan masa selama dua jam pada sebelah malam di masjid-masjid atau surau untuk sembahyang maghrib dan isyak serta mentelaah pelajaran.

Ini bertujuan menjinakkan mereka dengan masjid sejak dari bangku sekolah lagi dan menghindari mereka daripada kegiatan tidak berfaedah, katanya.

"Dengan duduk di masjid, mereka bukan sahaja dapat beribadat malah dapat mentelaah pelajaran atau membuat kerja-kerja sekolah tanpa gangguan," katanya.

Sanusi berkata beliau juga bercadang membina gelanggang sepak takraw di kawasan masjid di seluruh negeri dan kolam renang di beberapa masjid terpilih.

Sambil menyifatkan pendekatan itu boleh merapatkan golongan muda kepada masjid, beliau berkata persetujuan pentadbiran masjid di seluruh negeri diperlukan bagi melaksanakan cadangan berkenaan.

Mengenai rombakan Anggota Exco, Sanusi berkata nama dan jawatan mereka yang dipilih sudahpun dikemukakan kepada Dr Mahathir.

Katanya Perdana Menteri bersetuju dengan nama-nama yang dikemukakan dan memberi pendapatnya mengenai perlantikan itu.

Ketika ditanya bila rombakan akan dibuat, beliau berkata : "Itu rahsia. Saya boleh tunggu 14 bulan, takkan mereka tak boleh tunggu seminggu dua lagi." -- BERNAMA

AH MAI